

24 MAR 2001

Sarawak-Umno

GOLONGAN GUNA NAMA UMNO DI SARAWAK ADALAH PEMBOHONG, KATA TAIB

KUCHING, 24 Mac (Bernama) - Golongan yang berkempen menggunakan nama Umno di Sarawak menjelang pilihan raya negeri akan datang adalah pembohong, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini.

Beliau mengingatkan rakyat supaya tidak mempercayai golongan itu dan menolaknya dalam pilihan raya negeri akan datang.

"Jika golongan ini dipilih oleh rakyat sebagai wakil rakyat dan oleh kerana sudah biasa berbohong, tidak mustahil rakyat akan dibohongi oleh mereka jika dipilih," katanya pada sambutan ulang tahun ke-40 Parti Pesaka Bumiputera (PBB) di Serian, 60 kilometer dari Kuching.

Perhimpunan dihadiri oleh 2,000 orang dari enam kawasan Dewan Undangan Negeri yang mempunyai ramai kaum Bidayuh iaitu Tanjung Datu, Tasik Biru, Bengoh, Tarat, Tebedu dan Kedup.

Abdul Taib, yang juga Presiden PBB, berkata Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad sudah beberapa kali menjelaskan bahawa masanya masih tidak sesuai bagi Umno untuk menubuhkan cawangannya di Sarawak.

"Umno tidak tamak mahukan kerusi dan berkuasa di negeri ini dan orang yang berkempen menggunakan Umno adalah orang yang sengaja mahu menimbulkan huru hara politik di Sarawak," katanya.

Mengenai Pas dan Parti Keadilan Nasional, Abdul Taib berkata rakyat sangat mengenali anggota-anggota yang ada antaranya bekas anggota PBB dan pembangkang yang sudah beberapa kali tewas dalam pilihan raya.

"Cuma baju sahaja tukar. Rakyat sudah menolak mereka beberapa kali kerana mereka tidak jujur membela kehidupan rakyat dan tiada sebab untuk memilih golongan ini dalam pilihan raya akan datang," katanya.

Pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sarawak akan diadakan selewat-lewatnya November ini.

Taib berkata dalam masa 40 tahun perjuangannya, PBB sudah membawa pembangunan dan kemakmuran hidup kepada rakyat Sarawak.

"Ahli PBB jangan biarkan mereka yang menjual nama Umno, orang Pas dan Keadilan merosakkan perjuangan parti kita," katanya.

Beliau berkata meksipun Sarawak semakin maju dan rakyat sudah menikmati kehidupan lebih senang, perjuangan PBB masih jauh daripada selesai kerana banyak lagi kaum bumiputera yang memerlukan pembelaan.

Mengenai kaum Bidayuh, Abdul Taib berkata mereka telah bergerak jauh lebih maju berbanding dengan golongan bumiputera lain di Sarawak termasuk orang Melayu.

Katanya kaum Bidayuh sudah tidak terlalu banyak bergantung kepada kerajaan dan sudah mula terbabit dalam aktiviti komersil dan perdagangan.

"Bidayuh adalah kaum pertama yang terbabit dalam pertanian menggunakan kaedah moden dan oleh kerana itu pendapatan per kapita mereka lebih tinggi berbanding dengan kaum bumiputera lain," katanya.

-- BERNAMA

MT AZZ MAI